

LATIHAN PENGURUSAN PROJEK
SUB TOPIK : 2.1.6 PENYEDIAAN ANGGARAN KOS

1. Senaraikan dua kaedah menyediakan anggaran awal kos:

a) _____
b) _____

(2 markah)

2. Kaedah unit/kuantiti dikenali sebagai anggaran mengikut kuantiti barangan atau perkhidmatan. Jawab soalan berikut berdasarkan situasi diberi:

Aminah perlu menyediakan 50 biji kek pandan untuk memenuhi permintaan pelanggannya Encik Daus. Kos penyediaan sebiji kek pandan ialah RM25.00.

Kirakan kos anggaran awal Aminah dengan menggunakan kaedah unit/ kuantiti di dalam ruang disediakan di bawah:

Kos anggaran awal bagi 50 biji kek pandan ialah:

RM _____ x _____ unit = RM _____

(3 markah)

3. **A, B, dan C** ialah konsep SMART. Konsep ini diguna pakai dalam penentuan anggaran keseluruhan projek.

A	Realistic
B	Attainable
C	Specify

Padankan penerangan konsep SMART berikut dengan menulis **A, B, atau C** pada petak yang disediakan.

a) Konsep ini adalah penetapan tujuan projek	
b) Konsep ini mewakili kesesuaian dengan kehendak pengguna	
c) Konsep ini menilai sama ada sesuatu projek boleh dilaksanakan atau dicapai	

(3 markah)

4. **A, B dan C** adalah kos yang terlibat dalam pengukuran pengagihan kewangan.

A	Kos Upah
B	Kos Overhead
C	Kos Bahan

Klasifikasikan item berikut dengan kos yang berkaitan dengan menulis **A, B, atau C** pada petak yang disediakan.

a) Bil telefon	
b) Gunting dan gam	
c) Kadar sejam dan bilangan hari	

(3 markah)

5. Soalan berikut berkaitan kos upah:

Joshua mempunyai 5 orang pekerja kontrak yang bekerja dari hari Isnin sehingga Khamis. Setiap pekerja bekerja dari jam 8.00 pagi sehingga 4.00 petang dengan kadar upah sebanyak RM8.00 sejam.

Kirakan kos upah 5 orang pekerja tersebut di dalam ruang disediakan:

Kos upah:

Bilangan pekerja x masa x kadar upah sejam x _____

= _____ orang x _____ jam x RM 8.00 x _____ hari

= RM _____

(5 markah)